

Banjir di Pahang semakin buruk

Oleh SHAMSIAH ZULKAFI, SHARILFUDDIN SAARI dan WAN SYAMSUL AMLY

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Banjir di Pahang semakin buruk dengan jumlah penduduk yang dipindahkan meningkat kepada 3,559 orang malam ini manakala keadaan di Sabah tidak banyak berubah walaupun jumlah mangsa di pusat pemindahan menurun sedikit.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang memberitahu, mangsa banjir yang terdiri daripada 765 buah keluarga itu kini ditempatkan di 14 pusat pemindahan di seluruh negeri, sebahagian besar di daerah Rompin.

Semalam, jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di Pahang ialah seramai 2,447 orang.

Menurut jurucakap itu, tiga kampung yang terjejas teruk akibat banjir hari ini ialah Kampung Leban Condong yang dinaiki air sedalam 2.4 meter, Kampung Sungai Putri (0.12 meter)

dan Kampung Rekoh (0.6 meter) yang semuanya terletak di daerah Rompin.

"Tiga pusat pemindahan yang baru dibuka ialah Dewan Angkat Berat Rompin, Dewan JKK Leban Condong dan Sekolah Kebangsaan Sungai Putri," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jurucakap itu berkata, jalan-jalan utama yang dilanda banjir juga masih ditutup kepada semua jenis kenderaan manakala paras air Sungai Keratong, Rekoh dan Garung kini melepasi paras bahaya.

Di **SABAH**, seramai 3,355 penduduk dari enam daerah di negeri ini masih ditempatkan di pusat-pusat pemindahan.

Jumlah itu menunjukkan sedikit penurunan berbanding 3,642 orang yang dipindahkan akibat banjir semalam.

Daerah Tenom dan Telupid pulih sepenuhnya daripada banjir dan ia membolehkan kira-kira 350 penduduk melibatkan 88 keluarga dibenarkan pulang ke rumah masing-masing tengah hari ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Bencana Bahagian Keselamatan Negara (BKN) Sabah berkata, setakat ini hanya empat daerah masih dilanda banjir iaitu Kota Marudu, Pitas, Beluran dan Beaufort.

Katanya, jumlah mangsa di Kota Marudu ialah seramai 1,596 orang daripada 311 keluarga; Pitas (1,398 penduduk, 515 keluarga), Beluran (37 orang, tujuh keluarga) dan Beaufort (324 orang, 79 keluarga).

"Di samping itu, dua buah sekolah masih ditutup iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Gana dan SK Ranau berbanding 10 buah sekolah yang ditutup sebelum ini," katanya ketika dihubungi.

Semalam, seramai 3,642 penduduk dari 117 buah kampung di negeri ini dipindahkan ke pusat-pusat penempatan sementara berikutan keadaan banjir yang semakin buruk.

Kesemua mereka adalah dari enam daerah iaitu Kota Marudu, Pitas, Beluran, Tenom,

■ Lihat muka 4

Sambungan dari muka 1

Banjir di Pahang semakin buruk

Beaufort dan Telupid.

Jurucakap itu berkata, pesawat Nuri milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) hari ini juga melakukan tiga penerbangan menghantar makanan kepada mangsa banjir.

Katanya, kawasan yang terlibat dengan penghantaran

bekalan makanan ialah Kota Marudu, Pitas dan Beluran.

Jelas beliau, perkhidmatan TUDM terpaksa digunakan berikutan jalan raya yang menghubungkan kawasan penempatan mangsa banjir terputus akibat ditenggelami air.